



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

30 November 2015

## **Kenyataan Media YB Dato' Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia Berhubung**

### **Prosiding Pengurusan Kawalan Tadbir Urus Syarikat 1MDB membabitkan Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, Mantan Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB.**

JAWATANKUASA Kira-Kira Wang Negara (PAC) ingin mengumumkan prosiding siasatan terhadap 1MDB telah disambung dengan penerangan selama dua hari oleh bekas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

Datuk Shahrol telah memberikan kerjasama yang memuaskan dan menjawab segala soalan yang ditujukan kepadanya.

Begitu juga semua ahli-ahli PAC telah berkesempatan bertanya soalan yang begitu memuaskan daripada segi semua aspek mengenai Pengurusan Kawalan Tadbir Urus 1MDB.

Ini berikutan daripada keterangan yang PAC perolehi daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Irwan Serigar Abdullah dan Ketua Pengarah EPU, Datuk Dr Rahamat Bivi Abdullah.

Laporan awal terhadap 1MDB dan penerangan daripada Ketua Audit Negara juga telah disampaikan.

PAC dimaklumkan bahawa Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1MDB akan siap dan diserahkan kepada PAC untuk dibentangkan dijangka pada 17 Disember 2015.

Siasatan ke atas 1MDB akan diteruskan esok dengan keterangan daripada Presiden / CEO 1MDB, Encik Arul Kanda Kandasamy.

Berikut ini, Penggerusi 1MDB Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin akan memberikan keterangan kepada PAC selepas PAC mendengar Laporan Akhir Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB.

PAC menegaskan keutamaan jawatankuasa adalah untuk menjalankan siasatan yang adil dan menyeluruh ke atas 1MDB. Laporan lengkap untuk 1MDB disasarkan untuk siap pada Mac 2016.

Selain itu juga PAC pada hari ini, melihat wujud keperluan untuk Jabatan Audit Negara (JAN) mengaudit semula empat loji insinerator di Pulau Tioman, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan Pulau Langkawi, walaupun PAC sudah membentangkan Laporan berhubung Pengurusan Loji Insinerator pada November 2014.

Ini kerana belum ada penyelesaian muktamad daripada kementerian dan ianya penting daripada segi alam sekitar dan juga industri pelancongan negara dengan semua loji insinerator berkenaan terletak dalam kawasan pelancongan yang terkenal.